



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PAMOR KERIS - KLASIFIKASI DAN PERSEPSI
DALAM KEBUDAYAAN
MELAYU**

MOHD YUSOF BIN MOHD ALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28.2.2007

MOHD YUSOF BIN MOHD ALI
M20041000031





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

DECLARATION

I hereby declare that work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge

28.2. 2007

MOHD YUSOF BIN MOHD ALI
M20041000031



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bismillah hirrama nirrahim,

Mohon kesyukuran kepada Allah S.W.T, dengan izinnya dapatlah saya menyudahkan laporan kajian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Jutaan terima kasih tak terhingga kepada penyelaras Drs Izani Mat Il M.Hum yang telah banyak membantu dan membimbing, menasihati, bersamanya ke Solo dan Yokyakarta, sehingga selesainya penulisan disertasi ini.

“Pulau Padan jauh ketengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga”

Kepadamu ya Allah S.W.T dirahmatilah kedua-dua ibubapa yang telah pergi dan ditempatkan dalam syurga seperti dijanjikan kepada orang-orang yang baik, biar pun tidak mengetahui penulisan ini kepenghujungnya tapi tetap menunaikan harapan awal dan akhir..Pada para sahabat usah gundar gulana aku tetap seperti dulu, belajar tak pernah pandai tapi belajar untuk jadi baik.

Semoga berbahagia dan sejahtera selalu, segalanya kulakukan untuk lebih bererti lagi bersama mu jua.





KATA PENGANTAR

Syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa, akhirnya saya berhasil menyelesaikan disertasi ini, berkat usaha dan ketekunan serta kerja sama dari pelbagai pihak yang telah memberi sokongan dan dorongan. Sokongan tersebut telah memberi keyakinan kepada penulis untuk menyiapkan disertasi ini. Oleh itu penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat. Secara khususnya jutaan terima kasih diberikan kepada :

1. Dekan Fakulti Seni dan Muzik, Dr. Hassan Bin Abdullah , dan pejawat Dekan masa sebelumnya, iaitu Dr. Ahmad Suhaimi bin Mohd Noor, kerana telah memberi peluang kepada penulis untuk belajar di peringkat sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini.
2. Drs Izani Mat Il M. Hum sebagai penyelia penulis, dengan penuh kesabaran dan teliti membimbing penulis sehingga penulisan disertasi ini selesai.
3. Semua tenaga pengajar Pasca siswazah yang telah memberikan dan mencurahkan ilmu kepada penulis mencapai peringkat kesarjana dalam tempoh dua tahun ini.
4. Rakan-rakan yang telah banyak membantu serta memberi maklumat dan informasi yang berguna sepanjang tempoh penyelidikan dilaksanakan.
5. Para informan yang berada di Kg. Padang Cangkat Bukit Candan , Kuala Kangsar, Solo dan Yogyakarta Indonesia yang telah meluangkan waktunya untuk bekerjasama dengan penulis, sehingga informasi yang diperlukan dapat diperolehi dengan pantas. Kepada mereka yang tak dapat disebutkan namanya satu persatu, penulis memohon maaf, semua maklumat dan informasi yang telah diberikan atau atas penggunaan informasinya sama ada yang tercatat dalam rujukan ataupun yang tersilap secara tidak disedari tidak tercatat, penulis mengucapkan jutaan terima kasih. Budi baik itu akan menjadi ingatan di dalam hati dan sanubari penulis. Tiada ungkapan yang dapat menggambarkan pertolongan dan kemaafan mereka selain ucapan terima kasih

Wassalam

Mohd Yusof bin Mohd Ali

Tanjong Malim





ABSTRAK

PAMOR KERIS- KLASIFIKASI DAN PERSEPSI DALAM KEBUDAYAAN MELAYU

oleh: MOHD YUSOF MOHD ALI

Pamor mengandungi dua pengertian. Pertama menunjukkan gambaran tertentu berupa garis, lengkungan, lingkaran, noda, titik, atau belang-belang yang nampak pada permukaan bilah keris. Kedua dimaksudkan sebagai bahan pembuat pamor. Motif atau pola gambaran pamor terbentuk pada permukaan bilah keris kerana adanya perbezaan warna dan perbezaan nuansa dari bahan-bahan logam yang digunakan sebagai bahan padu pembuatan keris. Masyarakat masih kurang mengerti tentang pamor keris yang sebenarnya, yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan estetik yang tinggi. Apatah lagi masih kekurangan tokoh perupa seni dan pandai keris yang pakar tentang pamor. Kalau adapun hanyalah pandai besi senjata yang lain. Keadaan yang kritikal ini perlu sangat satu penelitian tentang pamor keris. Maka ianya perlu dikaji dan sangat penting agar tak ditelan zaman. Mengenalpasti pembentukan pamor keris, klasifikasi dan persepsinya dalam kebudayaan Melayu sebagai objektif kajian. Berasaskan kepada teori dan falsafahnya penelitian ilmiah ini moga dapat menjadi pedoman amalan kepada masyarakat tentang apa yang ada disebalik nilai-nilai pamor sebilah keris, serta dapat menunjukkan dapatan bahawa kemahiran membuat pamor keris tersebut sebahagian besarnya dilaksanakan oleh keluarga tukang yang berkenaan. Yang lazimnya seorang tukang pandai besi pamor yang mewariskan kemahiran berpamor kepada anak-anaknya, keluarga terdekat dan juga pada orang lain yang berminat mempelajarinya. Hasil daripada kajian kualitatif ini mampu melihat bagaimana bentuk klasifikasi pamor keris mengikut persepsi masyarakat Melayu. Dan dijangka akan memberikan informasi pamor dan memberikan laluan kepada penyelidik yang lain untuk melakukan yang serupa dipelbagai tempat.





ABSTRACT

PAMOR KERIS- CLASIFICATION AND PERCEPTION IN MALAY CULTURE

by: MOHD YUSOF MOHD ALI

Pamor carries two meanings. The first depicts motifs that are reflected in lines, curve, spinals, 'nude', dots or stripes that are visible on the 'Keris' swiface. The second is attributed to the tools of the '*pamor*' maker. The patterns of design which appear on the '*Keris*' are the result of differences in trues and content of the metal products elements used in the making of a '*Keris*'. The community at large lacks a great under standing pertaining the pamor keris. It carries with it with critical cultural values. Many know ledge able traditional crafts persons are however no experts in '*pamor*'. Even if there were any, many among them showed them prowess in the creation of other weaponry. We have reached a critical stage where by we need to delve into the origins and existence of the '*pamor*' *keris*. There is a dire need to research and establish the creation of the '*pamor*' *keris*, its classification and the perception of it in the Malay community. Based on the theory and detailed philosophy an expert in making the *keris* '*pamor*' will ascertain that his skills are handed down to his children immediate family members who want to learn this a esthetic skill last form. As a result of this qualitative and research it is helped that the community perception of this traditional creation is preserved for generation to hold in high esteem.





KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
KATA PENGANTAR	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI DAFTAR ISTILAH	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Persoalan	4
1.3. Persoalan Kajian	8
1.4. Rumusan Persoalan	8
1.5. Batasan Persoalan	10
1.6. Fokus Kajian	10
1.6.1 Klasifikasi dan Persepsi Pamor Masyarakat Melayu di Malaysia	11
1.6.2 Batasan Tempat	11
1.7. Tujuan Kajian	11
1.8. Faedah dan Kepentingan Kajian	12
BAB II KAJIAN LITERATUR	
2.1. Latarbelakang Sejarah Keris Nusantara	14
2.2. Latarbelakang Sejarah Keris Melayu	18
2.3. Pamor Sebilah Keris	19
2.4. Teknik Membuat Pamor	21
2.4.1 Cara Menjadikan Pamor	23
2.5. Keris Lurus atau Lok	28
2.5.1 Perbuatan Ganja	30
2.5.2 Menyempuh Keris	31
2.6. Jenis-Jenis Pamor	31
2.7. Definasi Operasional	48
2.8. Landasan Teori	50
2.8.1 Asimilasi Kebudayaan	50
2.8.2 Difusi	51
2.8.3 Kesenian	51
2.8.4 Evolusi	52
2.8.5 Fungsional	52
2.8.6 Multiculturalisme	53
BAB III METODOLOGI KAJIAN	
3.1. Pendekatan Kajian	54
3.2. Perancangan Kajian	55





KANDUNGAN

	Muka surat
3.3 Jenis-jenis Data	57
3.3.1 Data Lisan	58
3.3.2 Data Bertulis	58
3.3.3 Data Artifak	58
3.4 Kaedah Mengumpul Data	59
3.4.1 Kaedah Temu bual	59
3.4.2 Kaedah Kajian Pustaka	60
3.4.3 Kaedah Pemerhatian	61
3.5 Kaedah Analisis Data	61
3.6 Kaedah Validiti Data	63
3.7 Instrumen Kajian	63

BAB IV KLASIFIKASI PAMOR DALAM MASYARAKAT MELAYU

4.1 Klasifikasi Keris	64
4.1.1 Nama Keris Berpamor Berdasarkan Hulu	68
4.1.2 Nama Berdasarkan Sarung	69
4.2 Klasifikasi Pamor	70
4.2.1 Pamor Sebagai Kaitannya Dengan Flora	71
4.2.2 Pamor Sebagai Kaitannya Dengan Fauna	75
4.2.3 Pamor Sebagai Kaitannya Dengan Kosmos	82

BAB V PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU TERHADAP PAMOR KERIS

5.1 Persepsi Pamor Sebagai Kraf Melayu	92
5.2 Persepsi Pamor Sebagai Sesuatu Yang Estetik	92
5.3 Pamor Keris Dalam Aspek Kepercayaan	93
5.3.1 Kepercayaan Terhadap Pamor Berpuaka	94
5.3.2 Pamor Keris Untuk Perubatan	94
5.3.3 Menegakkan Undang-Undang Dan keadilan	95
5.3.4 Regalia dan Adat Istiadat	95
5.3.5 Disiplin Memakai	95
5.3.6 Tanda Kuasa dan Jawatan	96
5.3.7 Simbol dan Isyarat	96
5.3.7.1 Hikayat Junan Giri	98
5.3.7.2 Kumpulan Selendang Merah	98
5.3.7.3 Peristiwa Gunung Agung 1963 di Bali	98
5.3.7.4 Peristiwa di Kelantan 1942	98
5.3.7.5 Keris Majapahit dan Keris Picit	99
5.3.7.6 Kehebatan Besi Kuning	99
5.3.7.7 Cerita-Cerita Lisan dan Hikayat Melayu	99
5.3.8 Pamor Keris Pembawa Tuah	99
5.4 Pamor Keris dalam Persepsi Kebudayaan	103
5.4.1 Pantang Larang Keris Berpamor	104
5.5 Pamor Sebagai Bahagian Fungsional	105





KANDUNGAN

Muka surat

BAB VI KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1 Kesimpulan

107

6.2 Saranan

108

RUJUKAN

110





SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konsep Klasifikasi Pamor Dalam Kebudayaan Melayu	9
1.2	Kerangka Konsep Persepsi Pamor dalam Kebudayaan Melayu	9
3.1	Plan Perancangan Kajian	56
3.2	Model Teoritik tentang sosialisasi Pamor dari perspektif masyarakat Melayu	55
3.3	Analisa data Model Aliran	62





SENARAI GAMBAR

Gambar		Muka surat
2.1	Gambar : Keris Pamor Mayang Mekar	20
2.2	Gambar : Ragam Pamor Terhasil Dari Warangan	21
2.3	Gambar : Besi Huruf U	23
2.4	Gambar : Bahan Pamor	24
2.5	Gambar : Keadaan Bahan pamor	25
2.6	Gambar : Keadaan Pamor Yang diketuk	25
2.7	Gambar : Saton Lapisan Pertama	25
2.8	Gambar : Lapisan Pamor Berbentuk U	25
2.9	Gambar : Pamor Kedua	26
2.10	Gambar : Besi Tempa pamor	26
2.11	Gambar : Sebilah Besi Waja Kepingan diselitkan	26
2.12	Gambar : Besi Baja dikepit oleh Besi Pamor	26
2.13	Gambar : Kesan Jenis Pamor dari Penempatan	27
2.14	Gambar : Kodokan	28
2.15	Gambar : Bakal Bentuk Keris	29
2.16	Gambar : Pamor Ujung Gunung	32
2.17	Gambar : Pamor Raja Gundala	33
2.18	Gambar : Pamor Rambut Darada	34
2.19	Gambar : Pamor Ron Pakis	35
2.20	Gambar : Pamor Ron Genduru	36
2.21	Gambar : Pamor Buntel Mayet	37
2.22	Gambar : Pamor Eri Wader atau Ri Wader	38
2.23	Gambar : Pamor Ganggeng Kanyut	40
2.24	Gambar : Pamor Ganggeng Kanyut Wengkon	40
2.25	Gambar : Pamor Jarot Asem	41
2.26	Gambar : Pamor Jong Isi Dunia	42
2.27	Gambar : Pamor Karawelang	43
2.28	Gambar : Pamor Kenanga Ginubah	44
2.29	Gambar : Pamor Kupu Tarung	45
2.30	Gambar : Pamor Lawe Setukel	46
2.31	Gambar : Bentuk Pamor Manikem	47
2.32	Gambar : Keris Berpamor Yang Ditempa	48
4.1	Gambar : Pamor Ngulit Semangka	72
4.2	Gambar : Pamor Pari Sawuli	73
4.3	Gambar : Pamor Kenanga Ginubah	74
4.4	Gambar : Pamor Ujung Gunung	75
4.5	Gambar : Pamor Raya Gundala	76
4.6	Gambar : Pamor Rambut Daradah	77
4.7	Gambar : Pamor Ron Jenduru	78
4.8	Gambar : Pamor Ron Pakis	79
4.9	Gambar : Pamor Kupu Tarung	80
4.10	Gambar : Pamor Buntel Mayit	82
4.11	Gambar : Pamor Eri Wader atau Ri Wader	83
4.12	Gambar : Pamor Ganggeng Kanyut	84
4.13	Gambar : Pamor Ganggeng Lanyut Wengkon	84
4.14	Gambar : Pamor Jarut Asem	85





SENARAI GAMBAR

Gambar

4.15	Gambar	:	Pamor Jung Isi Dunia
4.16	Gambar	:	Pamor Karawelang
4.17	Gambar	:	Pamor Lawe Setukel
4.18	Gambar	:	Pamor Manikem

Muka surat

86
87
88
89





SENARAI JADUAL

Jadual

4.1	Jadual	:	Klasifikasi Kris Berdasarkan Penulis Barat
4.2	Jadual	:	Klasifikasi Kris Mengikut Gardner
4.3	Jadual	:	Nama Keris Berdasarkan Lok
4.4	Jadual	:	Nama Keris di Malaysia
4.5	Jadual	:	Nama Keris Berdasarkan Bentuk Hulu
4.6	Jadual	:	Nama Keris Berdasarkan Sarung

Muka surat

64
65
67
68
69
69





Senarai Istilah

Ampelas	- Kertas pasir atau Daun Mempelas yang digunakan untuk menghaluskan permukaan kayu.
Angsar	- Kuasa gaib yang terdapat pada keris
Besot	- Istilah keris yang telah dibentuk
Besotan	- Istilah bagi keris yang telah dibentuk berulang kali.
Bobot	- Berat.
Dapur keris	- Mata Keris.
Eksoteri Keris	- Membicarakan tentang keris yang tampak dari luar
Esoteri Keris	- Bahasan mengenai hal yang tidak terlihat dan teraba, khususnya pada keris
Inlay	- Teknik membuat pamor dengan memerlukan logam yang lain pada mata keris.
Kodokan	- Pamor keris yang belum siap dibuat mata keris.
Masuh	- Memcuci atau Membersihkan
Memijar	- Besi sebelum dibuat keris memanaskannya sehingga besi bertukar warna menjadi merah.
Ngleseh	- Salah satu tahap dalam pembuatan keris
Nglokop	- Kecacatan pada pamor – mengelupas pada permukaan pamor
Pegat Waja	- Salah satu ragam cacat pada bilah keris
Pamengkang Jagat	- Keris yang rosak atau cacat, retak ditengah bilahnya.
Paron	- Tempat tapak untuk menempa keris
Panjak Baku	- Pembantu tempa pandai keris
Tosan Aji	- Senjata tradisional yang diperbat dari besi yang dimuliakan dari segala jenis logam yang dianggap baik boleh dijadikan keris
Tanjeng	- Ilmu untuk mengetahui tuah dan menafaat tentang isi keris
Tayuh	- Ilmu untuk memastikan sesuai atau tidaknya keris dengan pemiliknya.





Ububan	- Peralatan yang digunakan oleh pandai keris didalam bengkel tempat kerja.
Warangan	- Bahan yang mengandungi asid untuk merawat ataupun membersihkan keris
Warangka	- Sarung keris
Wasuh	- Besi yang telah di proses
Wasuhan	- Besi yang telah mengalami proses di wasuh
Welang	- Sejenis besi bahan pembuatan keris
Wedung	- Sejenis senjata keris terpilih
Rampung	- Senjata yang digunakan semasa latihan ketenteraan pada masa dahulu.
Rincian	- Komponen yang terdapat pada bilah keris
Risikan	- Komponen bilah keris
Sorsoran	- Bahagian dari bilah keris
Saton	- Kesepaduan besi dengan bahan pamor, untuk dijadikan bentuk keris atau tombak.
Suh	- Cincin pengikat pada besi saton atau pamor ketika proses membuat keris
Kondoyan	- Pada satu peringkat pembuatan keris





BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Keperluan manusia untuk mengungkapkan perasaan keindahan jelas berlaku secara universal dan berlangsung sejak masa lampau. Hasil-hasil penyelidikan melintasi budaya dan prasejarah pada pelbagai kebudayaan telah menunjukkan bukti bahawa tidak ada kebudayaan yang pernah ditemui, yang kandungannya tidak memenuhi reka bentuk ekspresi estetik. Hal ini menunjukkan walaupun sederhana kehidupan manusia, antara masa hidupnya untuk memenuhi keperluan primernya, mereka sentiasa mencari peluang untuk memenuhi hasrat dalam mengungkapkan dan memanfaatkan keindahan. (Badcock, 1983:141; Boas, 1995).

Kesenian telah mempengaruhi kehidupan manusia sejak mula kelahirannya, juga merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari seluruh perjalanan kehidupannya. Segalanya itu menunjukkan keunikan kesenian, sama ada dilihat dari aspek usianya mahupun keuniversalnya, sebagai satu bahagian dari kebudayaan (Cassirer, 1987).

Hal ini tidak bererti bahawa semua bentuk seni sentiasa wujud, atau kepelbagaian ekspresi estetik berkembang secara sama dalam setiap kebudayaan. Kesenian dengan pelbagai bentuk dan corak ungkapannya, cenderung berbeza pada setiap kebudayaan, malah





pada peringkat-peringkat sosial tertentu. Aspirasi, sumber dan keperluan yang tidak selalu sama, sama ada dalam bentuk, jenis, sifat mahupun kuantiti dan kualitinya pada pelbagai kelompok masyarakat untuk berekspresi estetik, telah memberi bentuk dan corak ungkapan yang khas pada karya seni yang diciptakan manusia. (Otten, 1971).

Walau bagaimanapun setiap masyarakat, sama ada secara sedar mahupun tidak sedar mengembangkan kesenian sebagai ungkapan dan pernyataan rasa estetik yang mempesonakan selari dengan pandangan, aspirasi, keperluan dan idea yang menguasainya. Cara-cara kepuasan terhadap keperluan estetik tersebut ditentukan oleh budaya yang bersepadu dalam keseluruhan sistemnya. Proses untuk memenuhi keperluan estetik tersebut berlaku dan disusun oleh kesatuan nilai serta asas yang berlaku dalam masyarakat, seterusnya cenderung untuk diwujudkan dan diwariskan oleh sesuatu masyarakat kepada generasi seterusnya.



Masyarakat sebagai sebuah kesatuan kehidupan sosial manusia yang menempati suatu wilayah tertentu, hidup dengan menghadapi cabaran dan rangsangan-rangsangan dari persekitaran serta alam semula jadi tempat tinggal mereka. Dalam menghadapi cabaran dan rangsangan dari persekitaran alam semula jadi tersebut, mereka secara dialektik mengembangkan kebudayaan dan sekaligus menggunakannya secara bersama sebagai pedoman untuk strategi adaptasi dalam usaha memenuhi keperluan hidupnya. (lihat Haris dan Moran, 1990).

Kemudian, sebagai kesan logikal kehidupan bermasyarakat dan berbudaya, individu-individu ahli kesatuan sosial itu menjadi terikat oleh sistem sosial dan sistem budaya yang dikongsi bersama. Dengan demikian, sebagai individu, setiap ahli masyarakat akan berdepan bukan sahaja dengan cabaran dan rangsangan dari sumber alam semula jadi, malahan juga akan berdepan dengan persekitaran sosial dan budayanya.

Oleh itu, untuk dapat mempertahankan, mengekal dan mempertingkatkan kehidupannya, manusia tanpa mengira masa dan tempat sentiasa dituntut untuk dapat beradaptasi dengan





persekitaran yang dihadapi menurut kebudayaan yang dimilikinya. Cabaran yang dihadapi manusia dalam menghadapi persekitarannya (alam, fizikal, sosial dan budaya) bukanlah hanya sekadar menyesuaikan diri dengan persekitarannya, tetapi juga untuk menghadapi dan mengatasi perubahan persekitaran yang berlaku dari semasa ke semasa.

Tidak boleh kita nafikan bahawa sepanjang sejarahnya, manusia sebagai makhluk sosial dan budayawan, telah melaksanakan pendidikan sebagai fungsi utama untuk mengekal, menerus dan mempertingkatkan kewujudannya agar dapat beradaptasi terhadap persekitarannya bagi memperoleh peringkat kehidupan yang lebih sempurna.

Menerusi proses pendidikanlah setiap individu dalam masyarakat mengenal, menyerap, mewarisi dan memasukkan ke dalam dirinya segala unsur-unsur kebudayaannya iaitu nilai, kepercayaan, kebudayaan dan ilmu pengetahuan mahupun teknologi yang sangat perlu untuk menghadapi persekitaran. Menerusi pendidikan pula setiap individu dapat mempelajari institusi-institusi sosial, simbol-simbol budayanya dan menjadikan sesuatu yang dipelajari itu sebagai pedoman bertingkah laku yang bermakna bagi individu yang bersangkutan dalam kehidupan sosialnya.

Hal ini mempunyai erti pula bahawa dengan mempelajari dan menyerap sesuatu yang dipelajari tersebut, setiap individu seharusnya mampu menjadi ahli masyarakat yang mempunyai kesedaran, mampu berfikir dan boleh memainkan status serta peranannya sesuai dengan nilai-nilai sosial budaya yang wujud mahupun berkembang dalam persekitaran masyarakatnya.

Dalam konteks ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, sangat kaya dengan khazanah tradisi yang tidak ternilai. Dari negeri Perlis sehinggalah ke Sabah dengan pelbagai kaum dan asal budaya yang berbeza pula, terbentangleh suatu kekayaan warisan budaya yang sudah tentu membawa kesan kepada kepelbagaian reka bentuk kehidupannya. Dalam bidang seni umpamanya, di seluruh negeri





terpelihara dan berkembang pelbagai corak ungkapan kraf yang unik menandakan identiti masyarakat berbudaya, dan persekitarannya yang damai seperti seni pamor sebilah keris.

1.2. Latar Belakang Persoalan

Dasar asas kewujudan persoalan ini ialah masyarakat masih tidak tahu tentang pamor yang mempunyai nilai-nilai estetik, filosofi, status yang tinggi dan banyak mempengaruhi budaya masyarakat Melayu tradisional, tambahan pula ketiadaan tokoh pandai keris yang benar-benar mahir dalam pembentukan pamor, sementara yang ada pada ketika ini hanyalah beberapa tokoh pandai besi senjata biasa yang lain.

Sehubungan itu, keadaan tersebut harus diinsafi, terutama hakikat betapa pentingnya suatu penelitian secara bersepadu dibuat terhadap pamor sebilah keris agar tidak hilang begitu sahaja.



Dalam kebudayaan Melayu, pamor digambarkan oleh masyarakat Melayu tradisional dalam pelbagai versi dan kepercayaan yang dipenuhi dengan unsur mitos, legenda dan cerita-cerita rakyat. Keris berpamor sentiasa dianggap agung dan dipercayai mempunyai kuasa magis serta spiritual yang berkait-rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu di samping mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi. Oleh sebab sesuatu budaya itu selalu berkembang, maka penggunaan keris berpamor turut menjadi satu antara tret budaya masyarakat. Proses asimilasi dan difusi telah menyebabkan penggunaan keris berpamor tersebar secara meluas seterusnya dikongsi oleh pelbagai masyarakat.

Motif atau pola gambaran pamor terbentuk pada permukaan bilah keris kerana adanya perbezaan warna dan perbezaan nuansa daripada bahan-bahan logam yang digunakan sebagai bahan bersepadu dalam pembuatan keris tersebut. Dengan teknik tempa tertentu, logam yang menjadi bahan asas keris akan menyatu sebagai lapisan-lapisan tipis, tetapi bukan bersebatu atau saling meleburkan antara satu sama lain. Oleh sebab adanya





penyayatan yang melekat pada permukaan bilah keris itu, maka gambaran atau jalinan pamor akan terbentuk. Gambaran pamor ini diperjelas dan diperindah dengan cara ‘mewarangi’ keris. Setelah terkena larutan ‘warangan’, bahagian keris yang terbuat daripada waja akan bertukar menjadi hitam kekelabuan; bahan berasaskan besi berwarna hitam legam, sementara yang berasaskan bahan pamor menjadi putih atau kelabu keperakan.

Teknik tempa dalam pembuatan senjata berpamor merupakan keterampilan khas Indonesia, terutama Pulau Jawa, bahkan seni pamor itu juga mungkin ialah penemuan orang Indonesia. Dalam catatan sejarah, tidak ada bangsa lain selain Indonesia yang mengenal seni tempa senjata berpamor dalam kebudayaannya sebelum abad ke-10.

Sungguhpun di Malaysia juga terdapat teknik tempa dengan ketrampilan seperti ini tetapi agak sederhana berbanding dengan di Solo, Pulau Jawa. Selain itu, di Malaysia buku-buku yang menceritakan hal mengenai pamor keris Melayu juga masih berkurangan. Oleh yang demikian, satu antara tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengembangkan nilai-nilai karya pamor supaya dapat memberi kesedaran tentang pamor dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Terdapat beberapa buah buku oleh penulis Barat memperkatakan orang Iran pada beberapa abad yang lalu turut menemui senjata tajam berpamor, padahal yang tersimpan di Muzium Teheran ialah senjata tikam dan pedang-pedang yang dihias emas dengan teknik ‘inlay’. Di Pulau Jawa, teknik menghias sedemikian disebut *serasah* atau *sinarasah*.

Senjata yang mempunyai teknik tempa yang hampir menyerupai keris ialah pedang Damaskus atau waja Damaskus dari Iraq. Bezanya, pamor yang timbul pada permukaan pedang Damaskus tidak begitu dihiraukan oleh para penempa pedang tersebut. Mereka hanya mementingkan ketajaman pedang, bukan keindahan karya kerana tujuan utama pembuatan pedang adalah semata-mata untuk membunuh.

Hal yang demikian berbeza daripada keris; tarikannya kepada masyarakat ialah keindahan jalinan pamornya yang berbeza-beza mengikut cita rasa dan reka bentuk daerah masing-masing. Keris dibuat bukan sahaja untuk melukai orang, tetapi juga sebagai warisan





pusaka untuk menambah semangat percaya diri, sekaligus untuk kebanggaan diri, keluarga, dan masyarakat. Pamor ialah bahagian penting yang tidak terpisahkan daripada keris Melayu.

Perihal pamor keris sebagai simbol kekuasaan, kesaktian dan kedaulatan pemerintahan terdapat dalam catatan hikayat Melayu lama di samping upacara-upacara ritual dan adat-istiadat. Karya pamor bukan setakat mempunyai unsur-unsur seni malah kaya dengan nilai-nilai yang sesuai sebagai proses pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan melahirkan manusia yang baik, berkeperibadian dan terdidik yang pemikir.

Kewujudan pamor keris dalam masyarakat Melayu adalah hasil daripada proses difusi dan asimilasi budaya yang berlaku dalam masyarakat Nusantara. Sejarah telah membuktikan penduduk Nusantara mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain walau terpisah oleh selat mahupun laut. Interaksi yang wujud contohnya melalui perdagangan mahupun penaklukan telah membawa kepada proses difusi dan asimilasi yang turut mempengaruhi proses pembuatan keris dalam masyarakat Melayu.

Penyerapan merupakan suatu keperluan dalam perkembangan sesuatu budaya termasuk masyarakat Melayu yang melibatkan penerapan unsur pamor dalam keris. Bagaimanapun kebanyakan ahli antropologi berpendapat bahawa proses asimilasi merupakan proses dua hala. Kedua-duanya iaitu yang diserap dan yang menyerap mengalami perubahan yang saling membantu, cuma hadnya sahaja berbeza kerana pamor dan keris saling berkait antara satu dengan yang lain.

Hal yang demikian bertepatan dengan pandangan Sidi Gazalba dalam bukunya bertajuk Antropologi Budaya II : Gaya Baru (1974:145). Menurut beliau, difusi kebudayaan ialah proses penyebaran unsur-unsur kebudayaan, beramal dari satu-satu individu atau masyarakat kepada individu atau masyarakat yang lain.

Sekiranya penyebaran tersebut berlaku antara individu, difusi berlangsung dalam lingkaran suatu masyarakat. Proses ini disebut difusi dalam masyarakat (*intra society*)





diffusion). Manakala penyebaran itu sekiranya berlaku antara masyarakat, daripada suatu masyarakat kepada masyarakat yang lain, proses itu disebut difusi antara masyarakat (*inter-society diffusion*).

Aspek paling utama bagi manusia adalah inginkan keselamatan. Apabila keinginan terhadap keselamatan dipenuhi, manusia akan cuba mencari kesenangan. Fitrah manusia inginkan keselamatan dan kesenangan. Fitrah yang inginkan keselamatan ini dijawab oleh ekonomi dan kesenangan dijawab oleh kesenian. Maka wujudlah ekonomi mencipta benda-benda, makanan, pakaian, tempat tinggal, dan ubat-ubatan supaya kehidupan akan lebih terjamin, selamat, menyenangkan dan terhibur, serta kesenian dapat mencipta karya-karya yang menyenangkan. (Sidi Gazalba, *Antropologi Budaya* 11, 1974: 34).

Maka untuk keperluan tersebut, setiap manusia memiliki nilai estetika. Sama ada banyak atau sedikit sekalipun nilai estetika yang dimiliki oleh manusia, ianya tetap dianggap sebagai seniman. Oleh kerana manusia ialah makhluk sosial, beragama dan bermoral secara semula jadinya, mereka tertarik kepada keindahan. Manusia akan cuba melahirkan karya-karya yang menyenangkan dalam kehidupan harian terutama untuk diri mereka sendiri. (Sidi Galzaba, *Antropologi Budaya* 11, 1974:30). Karya pamor dalam keris mempunyai nilai estetik yang amat menyenangkan hati, maka menjadikan karya pamor sebagai suatu budaya adalah suatu kepastian dalam kehidupan.

Menurut Sidi Gazalba, *Antropologi Budaya* 11, (1974: hal.145), tiap-tiap kebudayaan mengalami evolusi yang tumbuh dan berkembang dari tahap yang rendah ke tahap tinggi. Dalam evolusi tersebut, sesuatu kebudayaan mungkin menemukan sesuatu unsur, yang kebetulan ditemukan pula oleh kebudayaan lain. Hal ini diistilahkan '*independent invention*', penemuan sendiri-sendiri yang menyebabkan unsur-unsur sama terdapat dalam kebudayaan yang berbeza, sama sebagaimana karya pamor, mempunyai unsur-unsur yang sama tetapi dalam budaya yang berbeza-beza.





1.3. Persoalan Kajian

Secara umumnya kajian ini untuk mendiskripsikan kedudukan pamor dalam kebudayaan Melayu, mendidik dan menilai kembali secara perbandingan, teknik dan kreativitinya agar dapat memberi kesedaran dan kefahaman tentang identiti, falsafah, reka bentuk dan sejarah sebenar pamor itu dalam pandangan kebudayaan Melayu.

Pemahaman masyarakat tentang nilai pamor terlalu sempit dan terbatas. Mereka juga mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengikut latar belakang sosiobudaya masyarakat, walhal sebenarnya pamor telah wujud sejak begitu lama sejak sebelum kewujudan wilayah baru masyarakat Nusantara.

Terlalu banyak yang dipersoal dan masalah yang berbangkit mengenai kehadiran pamor sebilah keris di dunia ini, namun jawapannya tidak dapat menjurus kepada satu titik pertembungan dan penyelesaian. Kesamaran mengenai identiti pamor sebilah keris menarik minat para penyelidik untuk membuat kajian dan pastinya dapatan melalui teori terdahulu masih mengungkap persoalan dan boleh dibahas.




1.4. Rumusan Persoalan

Dari huraian di atas, dapat kita fahami bahawa masyarakat, kebudayaan dan seni, khasnya pamor sebilah keris, merupakan suatu kesatuan fenomena yang menarik untuk dijadikan subjek kajian. Persoalan yang muncul daripada fenomena ini ialah:


- 1.4.1 Apakah yang dikatakan pamor pada keris Melayu
- 1.4.2 Bagaimanakah klasifikasi pamor keris masyarakat Melayu
- 1.4.3 Bagaimanakah persepsi masyarakat Melayu terhadap nilai di sebalik pamor keris.

Kesemua persoalan tersebut dapat dirumus melalui rajah berikut;





Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Klasifikasi Pamor Dalam Kebudayaan Melayu



Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Persepsi Pamor dalam Kebudayaan Melayu



1.5. Batasan Persoalan

Kajian ini mempunyai beberapa batasan dari aspek fokus yang mencakupi klasifikasi dan persepsi masyarakat Melayu di Malaysia serta tempat kajian dijalankan.

1.6. Fokus Kajian

Fokus kajian adalah berkaitan pamor keris dalam masyarakat Melayu yang mencakupi klasifikasi dan persepsi masyarakat Melayu Malaysia. Klasifikasi merujuk kepada penyusunan mengikut kelas dan susunan sistematik ke dalam kumpulan menurut kriteria yang ditetapkan. Kumpulan-kumpulan yang telah disenaraikan merupakan antara yang terbesar. Sekiranya masyarakat Melayu mengklasifikasikan pamor, maka suatu penyusunan mengikut kelas tersendiri pamor akan wujud.

Bagaimanapun, masyarakat Melayu di Malaysia masih belum membuat klasifikasi karya-karya pamor dalam kebudayaan Melayu. Pengklasifikasian, perihal pamor atau pembuatannya amat kabur sedangkan sebenarnya dalam konteks masyarakat Melayu klasifikasi pamor dalam kebudayaan Melayu amat serius, tinggi nilai mutunya dan menjadi '*standard*' kepada yang lain.

Pamor yang demikian adalah suatu ciptaan seni yang sempurna dan berhak disebut sebagai sesuatu yang baik, kerana ia mempunyai gaya sederhana dan tidak berubah mengikut masa. Pembuat keris yang lain pula lebih mementingkan sebuah gaya baru tetapi selalu berubah serta tidak mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang lazim untuk digolongkan sebagai contoh klasifikasi masyarakat Melayu Malaysia terhadap pamor.

Pamor dalam pembuatan keris dapat kita kaitkan dengan pengamatan yang menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2002) merujuk kepada gambaran iaitu bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Teori Kognitif dalam domain pengajaran dan pembelajaran ada menyentuh pekara ini, dimana ada hubungan Metakognisi dalam Teori Pengamatan, yang selalu bermain dalam fikiran

manusia. Pandangan menerusi pancaindera dapat melahirkan tanggapan yang mantap, kekuatan imaginasi, kepekaan daya fikiran seterusnya akan menjurus kepada nilai terhadap alam dan kehidupan yang memberikan gaya dan pengucapan yang khusus pada pamor.

Keupayaan mempersepsi, membuat gambaran, bayangan dalam hati atau fikiran dengan menggunakan akal membolehkan manusia melihat, memahami atau menyedari sesuatu dengan lebih cepat, seterusnya dapat mengungkap pemikiran mendalam yang wujud sesuatu objek, khususnya pamor secara visual lantas menerimanya tanpa soal.

1.6.1 Batasan Tempat

Kajian ini akan berfokus kepada antropologi budaya dalam masyarakat pandai besi di Kampung Padang Cangkat Bukit Candan Kuala Kangsar, 33,000 Perak. Ia juga melibatkan kajian lapangan di Solo dan Yogyakarta Indonesia, bersama tokoh pandai besi. Kajian secara etnografi tersebut memberi peluang kepada pengkaji untuk melihat sendiri secara konsepstual, amalan kehidupan, budaya dan adat yang diamalkan oleh masyarakat minoriti yang dikaji ini. Secara rasionalnya kajian ini juga untuk mengetahui kebudayaan lingkungan pandai besi keris yang lahir sebagai pewaris untuk meneruskan jati diri kebudayaan mereka.

1.7 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan oleh penyelidik dapat dirumuskan kepada tiga iaitu;

- 1.7.1 Mengklasifikasikan jenis-jenis pamor mengikut persepsi masyarakat Melayu
- 1.7.2 Melihat persepsi masyarakat Melayu terhadap pamor keris
- 1.7.3 Mendeskripsikan pengetahuan tentang pamor keris Melayu

1.8 Faedah dan Kepentingan Kajian

Keperluan umum hasil kajian dapat memberikan sumbangan ke arah dua perkara, iaitu secara teoretik dan praktikal.

Secara teoretik hasil penyelidikan dapat memberikan informasi bagi peningkatan wawasan pengetahuan mengenai pamor melalui klasifikasi dan persepsi pamor dalam kebudayaan Melayu yang berlaku secara *non-formal* melalui sosialisasi (*nonformal education*). Kepentingan kajian sangat dirasa kerana selama ini masyarakat memandang sepi terhadap pamor.

Secara praktikal hasil penyelidikan memberikan gambaran bagi membantu pemahaman tentang cara-cara berlakunya pembelajaran mengenai pamor dan sesuatu kemahiran yang berkesan untuk masyarakat; yang dapat dijadikan model bagi pembelajaran di sekolah sebagai pendidikan melalui aktiviti fizikal yang merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Secara fungsional, hasil penyelidikan diharap dapat mempertingkatkan kesedaran terhadap persekitaran sosiobudaya sebagai komponen yang tidak boleh dinafikan dalam perancangan suatu proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah, khususnya dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang berkaitan dengan seni logam.

Kajian ini boleh memberi kesedaran kepada masyarakat tentang nilai-nilai pamor sebilah keris. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap beberapa persoalan yang memerlukan pemerhatian, tinjauan dan pembacaan ilmiah berdasarkan persoalan yang timbul melibatkan cara pamor diklasifikasi dan persepsi masyarakat Melayu.

Pamor sememangnya telah wujud sejak begitu lama, sebelum wujudnya wilayah baru masyarakat Nusantara. Diharap kajian ini dapat menggambarkan persepsi masyarakat Melayu terhadap pamor dan mengembangkan lagi ilmu pengetahuan tentang pamor. Dapatan ini akan menjadi impak warisan khazanah budaya bangsa untuk kepentingan generasi akan datang serta sebagai bahan rujukan pada masa depan.

Karya pamor perlu dikaji kerana ia merupakan suatu proses asimilasi kebudayaan seperti yang dikatakan oleh Norazit Selat dalam bukunya, *Konsep Asas Antropologi*



(1989:15); asimilasi ialah suatu proses budaya. Konsep ini bertujuan untuk menerangkan kebudayaan atau cara hidup sesuatu masyarakat; biasanya golongan migrasi ataupun minoriti; yang telah diserap oleh suatu kebudayaan lain yang lebih dominan tanpa membawa sebarang perubahan kepada kebudayaan yang menyerap.

